



MARKAS ANGKATAN TENTERA MALAYSIA

BAHAGIAN HAL EHWAL AWAM-J7

Wisma Pertahanan

Jalan Padang Tembak

50634 KUALA LUMPUR

Tel: 03-20716425/6424

Laman Web: www.mafhq.mil.my

SIARAN AKHBAR

KUALA LUMPUR

9 JANUARI 2021

(Dikeluarkan pada jam 10.00 pagi)

PERASMIAN MONUMEN DAN PELETAKAN PLAKA OLD PUTERA 78 OLEH PANGLIMA ANGKATAN TENTERA

Perasmian Monumen dan Peletakan Plaka Old Putera (OP) 78 oleh Yang Berbahagia Jeneral Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi bin Buang TUDM, Panglima Angkatan Tentera (PAT) telah berjaya disempurnakan bertempat di Alumni Park, Maktab Tentera Diraja (MTD), Sungai Besi. Turut hadir ialah Jeneral Tan Sri Zamrose bin Mohd Zain; Panglima Tentera Darat, Jeneral Tan Sri Ackbal bin Hj Abdul Samad TUDM; Panglima Tentera Udara, Brigedier Jeneral Dato' Mohd Shaifuddin bin Mohd Shariff TUDM; Komandan MTD.

Buat julung kalinya, pertemuan kembali Old Putera 78 pada hari yang penuh bersejarah ini melalui acara perletakan plaka OP 78 di Tapak Memorial Park MTD merupakan saat yang dinantikan. Pelbagai memori dan kenangan menggamit perasaan ketika bergelar OP 78 pastinya dikongsikan kembali. Majlis turut diraikan seramai 70 OP bagi pengambilan 78.

Jika diimbaskan kembali sejarah MTD atau Royal Military College (RMC), ia bermula pada tanggal 3 Julai 1952 di Port Dickson, Negeri Sembilan. Ketika itu ia dikenali sebagai *Malay Regiment Training Centre* yang terdiri daripada dua cawangan iaitu *PreOfficer Cadet Training Unit* atau *Pre-OCTU* (melatih Pegawai Kadet untuk ketiga-tiga perkhidmatan ATM).

MTD mempunyai keunikan tersendiri dimana ia bukan sahaja merupakan Akademi Ketenteraan yang ulung di negara ini bahkan satu-satunya sekolah berasrama penuh yang melaksanakan ciri ketenteraan yang tunggal. Mempunyai emej atau prestij yang tersendiri berbanding dengan Sekolah Menengah Berasrama Penuh (SMBP) yang lain. MTD merupakan kombinasi sekolah menengah tentera dan juga pusat latihan pegawai tentera.

MTD amat sinonim dengan kecemerlangan, baik dari segi akademik, disiplin, kurikulum, mahupun sukan. MTD merupakan satu-satunya institusi pendidikan peringkat menengah yang bercorak ketenteraan di Malaysia; sebuah sekolah berasrama penuh (SBP) di bawah pentadbiran Kementerian Pertahanan. Ia juga satu-satunya sekolah di Malaysia yang mempunyai gelaran 'Diraja' dengan setiap pelajar dikenali sebagai Putera manakala bekas pelajar pula dipanggil Old Putera atau OP.

Sejarah kecemerlangan putera bermula sebaik sahaja kaki menjelaki di bumi MTD. Kehidupan yang dilalui oleh setiap putera dipenuhi dengan kitaran hidup yang berjadual dan disiplin yang mantap serta penuh dengan budaya hidup ala ketenteraan. Yang *junior* diajar oleh *senior* cara menyesuaikan diri dengan kehidupan di MTD sambil dipantau oleh jurulatih-jurulatih dari berbagai kepakaran dalam perkhidmatan ATM.

Segala aktiviti yang dilakukan bersama untuk menerap nilai kerjasama dalam kumpulan dan semangat setia kawan bagi memastikan matlamat utama pernubuhan MTD tercapai iaitu melahirkan bakal-bakal pemimpin masa hadapan. MTD telah ditubuhkan untuk merealisasikan piagam MTD iaitu untuk menyediakan belia-belia malaysia mengambil tempat sebagai pegawai-pegawai dalam Angkatan Tentera Malaysia, menjadi pegawai-pegawai kanan perkhidmatan awam, menjadi pemimpin-pemimpin dalam bidang ikhtisas, perdagangan dan perusahaan negara.

Setiap permulaan pasti akan ada pengakhiran. Uniknya, Perbarisan Tahunan Putera atau *passing out parade (POP)* merupakan acara akhir bagi putera sebagai simbolik di akhir pengajian sebelum Majlis Penyampaian Hadiah dilaksanakan. Selepas POP, senior putera akan secara automatik mendapat gelaran Old Putera(OP). Mereka akan mendapat cincin (OP ring) sebagai tanda bahawa mereka telah berjaya mengakhiri latihan di MTD dan juga sebagai tanda kenangan semasa berada di MTD.

-TAMAT-

"KEDAUULATAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA"



Markas Angkatan
Tentera Malaysia



official.atm2020



@MarkasATM



Markas ATM

